

08/02/2003

Jayakumar hanya sempitkan ruang penyelesaian isu air

Prof Madya Dr Azmi Hassan

BERDASARKAN lenggok bahasa, tingkah laku dan jawapan Menteri Luar Singapura, S Jayakumar, ketika majlis menandatangani perjanjian khas merujuk isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih ke Mahkamah Dunia (sebelumnya dikenali sebagai Mahkamah Keadilan Antarabangsa - ICJ) kelmarin, jelas republik itu tidak mahu bertolak-ansur dalam semua isu tertunggak dengan Malaysia.

Dalam kes penentuan harga bekalan air mentah pula, Singapura nampaknya masih berkeras dan bertekad mahu menggunakan isu kedaulatan.

Apabila Jayakumar menyatakan bahawa kemelut penetapan harga air bersangkut-paut dengan kedaulatan Singapura sebagai sebuah negara, ramai penganalisis terpinga-pinga untuk cuba merasionalkan hujah beliau.

Terpinga-pinga kerana tidak pernah dalam sejarah tamadun manusia moden, kekalutan mengenai air dikaitkan dengan kedaulatan.

Dalil kedaulatan, sebagaimana dijelaskan Jayakumar, adalah berpandukan Perjanjian Pemisahan 1965 dan juga pindaan Perlembagaan Malaysia No. 53, 1965 yang secara amnya menyatakan bahawa Malaysia perlu mematuhi dua perjanjian bekalan air yang ditandatangani pada 1961 dan 1962.

Perjanjian 1961 akan lupus pada 2011 manakala perjanjian yang ditandatangani pada 29 September 1962 menjanjikan bekalan air sehingga 2061.

Kekalutan isu air adalah suatu keadaan yang berlaku setiap masa di seluruh pelosok dunia dari zaman purba hinggalah sekarang. Malaysia dan Singapura tidak terkecuali, malah perkataan Inggeris rival membawa maksud

pesaing berasal dari bahasa Latin rivalis yang memberi erti penduduk yang bergantung pada sumber air yang sama.

Apabila seseorang membicarakan masalah air, ia tidak akan terlepas daripada kefahaman bahawa masalah ini akan menjerumus kepada konflik. Lebih menyedihkan lagi jika konflik mengenai air bertukar kepada konflik peperangan.

Tidak kira sama ada rakyat Malaysia atau Singapura, masing-masing mengharapkan penyelesaian dapat dicapai dengan cara berhemah.

Kegusaran ini timbul kerana selain mengaitkan faktor kedaulatan Singapura yang tercabar, ucapan Jayakumar juga memperbesarkan isu cakap-cakap lepas mengenai perang yang didakwa dibuat pemimpin dan media Malaysia.

Perutusan Tahun Baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai ungkapan bloody nose turut diberi penekanan oleh Jayakumar.

Tetapi jika ditinjau dari sejarah tamadun manusia moden, konflik mengenai air lebih banyak menjerumus kepada keadaan apabila kerjasama dipertingkatkan di antara pihak yang berkonflik. Jika minyak dikaitkan dengan peperangan (seperti krisis Amerika Syarikat-Iraq), maka air pula dikaitkan dengan kedamaian dan kesejahteraan.

Kajian sejarah moden menunjukkan daripada beribu-ribu konflik mengenai air, hanya tujuh membawa kepada pertelingkahan dan tiada satu pun yang mengakibatkan peperangan.

Malah, peperangan yang tercetus kerana isu air berlaku 4,500 tahun lalu pada era Mesopotamian, iaitu di antara bandar Lagash dan Umma. Ironisnya,

kedua-dua bandar ini terletak di negara yang sekarang dipanggil Iraq.

Lebih ironis kerana pertembungan Lagash dan Umma adalah kerana air dan pertembungan di antara Washington dan Baghdad pula kerana minyak.

Tetapi perlu diingat kebarangkalian berlakunya peperangan di antara dua

negara kerana perbalahan air adalah amat tipis. Sebaliknya masalah kekurangan air bersih boleh membawa kepada berlakunya ketidakstabilan politik dalaman.

Sebab itulah pemimpin dan rakyat Malaysia tidak pernah menyatakan hasrat untuk menghentikan bekalan air ke Singapura.

Walaupun perjanjian luput pada 2061, Malaysia tetap bersedia membekalkan

air yang telah dirawat kepada Singapura.

Kekalutan isu air sebenarnya tidak sepatutnya menjadi satu masalah tetapi menjadi titik kerjasama yang lebih erat di antara dua negara yang mempunyai pertalian bukan saja dari segi sejarah dan geografi tetapi juga

pertalian rapat antara penduduk.

Ramai rakyat Malaysia mempunyai saudara mara rapat di Singapura dan penulis juga tidak terkecuali dalam hal ini.

Jika diteliti, ketegangan mengenai air di antara Arab-Israel, AS-Mexico,

India-Bangladesh, India-Pakistan dan negara Sungai Nil bertukar daripada masalah kepada jalinan kerjasama di antara negara yang bertelingkah.

Masalah pembahagian sumber air dari Lembah Sungai Jordan yang dikongsi bersama di kalangan Jordan, Lebanon, Syria dan Israel, boleh dijadikan iktibar bagaimana masalah air yang kronik itu dapat diselesaikan jika ada

sikap tolak-ansur semua pihak.

Tidak timbul masalah kedaulatan yang tercabar di antara keempat-empat negara ini apabila membincangkan masalah air. Malah, perjanjian kerjasama

mengenai air di antara Pihak Berkuasa Palestin (PA)-Israel, Syria-Israel dan Jordan-Israel telah ditandatangani untuk menangani masalah air di kawasan terbabit.

Pengajaran daripada masalah air Arab-Israel ialah suasana ketegangan tidak semestinya mencetuskan peperangan, sebaliknya boleh menjana kerjasama untuk kepentingan bersama.

Perkara ini boleh terjadi kerana semua negara terbabit, termasuk PA dan

Israel, mengetepikan isu kedaulatan dan hak mutlak masing-masing.

Jika Singapura masih bertekad dan berkeras mahu menggunakan isu kedaulatan dalam perundingan ketetapan harga air dengan Malaysia, maka ruang untuk bertolak ansur menjadi sempit dan ini menyukarkan lagi untuk mencapai persetujuan.

Secara analogi, apabila rundingan mengenai air dijalankan, kaedah yang menyatakan hak mutlak (kedaulatan) ke atas sumber air tidak digunakan tetapi ditekankan hak penggunaan.

Pendirian hak mutlak atau lebih dikenali sebagai Doktrin Harmon mula

digunakan ketika rundingan di antara AS-Mexico mengenai masalah sumber air

Rio Grande pada 1895 yang tidak membawa penyelesaian yang nyata. (Sungai Rio Grande adalah sempadan antara AS dan Mexico manakala air untuk Singapura berasal dari Johor bukannya dari sungai yang dikongsi - Pengarang)

Penulis ingin tekankan contoh ini sebagai analogi saja kerana apabila Dr Mahathir menggunakan analogi boyfriend dan girlfriend dalam kes penyebaran surat di antara pemimpin Malaysia dan Singapura, ada pihak di republik itu berasakan Dr Mahathir telah menjatuhkan maruah Perdana Menteri Singapura.

Apabila Doktrin Harmon tidak digunakan, banyak perjanjian kerjasama telah ditandatangani.

Setakat ini, ada lebih 3,600 perjanjian telah ditandatangani dengan sebahagian besar menunjukkan semangat kreativiti dan inovasi yang tinggi untuk mencapai persetujuan.

Tetapi apa yang paling penting ialah persetujuan hanya dicapai apabila ada sikap tolak-ansur di antara semua pihak.

Untuk lebih akademik lagi, kajian terhadap 1,831 perjanjian sumber air dalam tempoh 50 tahun lalu menunjukkan prinsip kesaksamaan ditekankan dalam mencapai persetujuan.

Prinsip undang-undang yang sempit ditolak ke tepi (seperti mana kehendak

Doktrin Harmon) tetapi lebih menjerumus kepada persetujuan kedua-dua belah pihak.

Dalam kebanyakan perjanjian yang dimeterai, rundingan awal tidak memerlukan khidmat pakar undang-undang untuk mengelakkan timbul isu remeh

mengenai undang-undang. Khidmat mereka ini hanya diperlukan apabila persetujuan telah dicapai supaya perjanjian yang ditandatangani adalah sempurna dan sah dari segi undang-undang antarabangsa.

Singapura tidak boleh terlalu taksud dengan keperluan undang-undang dan

isu kedaulatan apabila membincangkan masalah harga air dengan Malaysia. Isu mengenai hak Malaysia untuk mengkaji harga air selepas 25 tahun berlalu tidak perlu ditekankan kerana ia tidak akan mendatangkan kesudahan.

Begitu juga jangan dikaitkan dengan faktor kedaulatan yang tercabar dengan masalah ketetapan harga air kerana kedua-duanya tidak kena-mengena.

Jika Turki bersetuju membekalkan air kepada Israel sebanyak 50 juta meter padu setiap tahun dan China pula membekalkan 2,000 tan air kepada Taiwan yang dilanda kemarau baru-baru ini dengan kadar harga RM28 setan, maka masalah penetapan harga air Malaysia dan Singapura sepatutnya dapat diselesaikan dengan mudah.